

13/08/1998

Persimpangan Motorola dibuka mulai 29 Ogos

PETALING JAYA, Rabu - Persimpangan Motorola di Lebuhraya Damansara Puchong (LDP) akan dibuka sepenuhnya kepada pengguna laluan mulai tengah malam, 29 Ogos ini.

Bagaimanapun, LDP masih dalam proses akhir pembinaan dan dijangka dibuka kepada trafik pada Oktober ini selepas hampir setahun dibina oleh Lingkaran Trans Kota Sdn Bhd (Littrak).

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Subang Jaya, Lee Hwa Beng berkata pembukaan jalan itu sekali gus dapat mengatasi kesulitan pengguna jalan, terutama penduduk Kelana Jaya dan Bandar Sunway.

Menurutnya, pembukaan jalan itu lebih awal juga dapat mengatasi kesulitan orang ramai dan pengunjung Sukan Komanwel 1998 (KL '98) bagi kejohanan bowling, ragbi dan kriket.

Kejohanan bowling akan berlangsung di Bandar Sunway sementara ragbi dan kriket masing-masing akan diadakan di Stadium Kelana Jaya dan Kompleks Sukan Perbadanan Kemajuan negeri Selangor (PKNS).

Sementara itu, lampu isyarat di simpang empat berhampiran SS8/4 dan SS8/1 akan ditutup serentak dengan pembukaan jalan itu bagi mengurangkan kesesakan yang sering berlaku di kawasan terbabit.

"Oleh itu, orang ramai dari SS8/1 tidak boleh menuju ke kawasan SS8/4 dan dinasihat membuat pusingan-U di Bandar Sunway.

"Kami juga bercadang untuk membenarkan kenderaan membuat pusingan U di persimpangan ini," katanya kepada pemberita ketika melawat tapak pembinaan LDP di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Setiausaha Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ), Kamarul Baharin Datuk Abdul Raof.

Lee berkata, laluan itu juga akan dilengkapi dengan kemudahan pejalan kaki, sistem lampu isyarat, lampu jalan dan dihiasi lanskap yang menarik.

Sementara itu, katanya, orang ramai yang menuju Bandar Sunway dan Subang Jaya boleh menggunakan Jalan SS13/7 yang dihubungkan dengan Jalan PJS11/26.

Jalan itu sepanjang satu kilometer dan hanya mempunyai dua laluan sahaja.

Menurutnya, jalan itu dibuka kepada orang ramai sejak dua minggu lalu, bagaimanapun masih ramai pengguna jalan raya yang kurang tahu mengenainya.

Katanya, pembukaan jalan itu adalah bagi mengurangkan kesesakan di bulatan berhampiran Jalan Kewajipan dan Jalan Subang Utama yang menjadi jalan utama ke kawasan terbabit sebelum ini.

Beliau berkata, jalan itu mula dibina oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya sejak dua bulan lalu dengan kos sebanyak RM1.4 juta membabitkan pembinaan jambatan oleh Sunway Group sebanyak RM1.1 juta.

Sementara itu, persimpangan dari Jalan USJ 10/1A dan Jalan USJ 10/1B ke USJ 10/1 akan ditutup sementara, esok dari jam 12 tengah hari hingga 6 petang.

Penutupan itu berikutan perasmian Ekspo Papita / MPSJ 98 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, kenderaan yang ingin ke Jalan USJ10/1A dinasihatkan menggunakan lorong belakang dari Jalan USJ10/1B manakala trafik dari Jalan USJ10/1B, USJ10/1C dan USJ10/1 yang menuju ke Jalan Perpaduan dinasihat menggunakan Jalan Ikhlas.

(END)